

Kefahaman Fatwa Mengenai Akidah dalam Kalangan Belia Islam di Negeri Selangor

The Understanding of Fatwa on Islamic Decree among Muslim Youth in the State of Selangor

Zanariah Noor,^{*1} Zuraini Jamil @ Osman,² Noor Banu Mahadir Naidu,³ Husna Husain⁴

^{1,4}Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

^{2,3} Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Kerektor,
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak,
Malaysia

*Corresponding author: zanariah@fsk.upsi.edu.my

Received: 03 April 2024; Accepted: 06 May 2024; Published: 18 September 2024

To cite this article (APA): Noor, Z., Jamil @ Osman, Z., Husain, H., & Mahadir Naidu, N. B. (2024). The Understanding of Fatwa on Islamic Decree among Muslim Youth in the State of Selangor. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 50–64. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.4.2024>

Abstrak

Fatwa-fatwa membabitkan akidah contohnya pengharaman ajaran-ajaran sesat yang serta ideologi yang bertentangan dengan Islam seperti Al-Arqam, Syiah, Hizbut Tahrir, Qadiani, liberalism, pluralism, anti-hadith, Islamic State dan lain-lain telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) agar ketetapan tersebut menjadi garis panduan kepada umat Islam khususnya belia Islam agar tidak terlibat dengan perkumpulan-perkumpulan berkenaan. Ketetapan fatwa telah dikeluarkan, namun persoalannya ialah adakah belia Islam mengetahui tentang fatwa pengharaman ajaran dan ideologi menyeleweng yang banyak tersebar di Malaysia pada ketika ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman fatwa akidah dalam kalangan belia Islam di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kaedah tinjauan (*survey*) dengan menggunakan instrumen soal selidik dalam mengutip data. Konstruk instrumen kajian dibina berdasarkan fatwa akidah sedia ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Seramai 1099 orang belia berumur 17 hingga 20 tahun dipilih sebagai responden dengan kaedah persampelan kelompok berstrata. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat item-item yang menunjukkan belia mempunyai tahap kefahaman yang tinggi seperti isu Valentine's Day. Terdapat juga item yang menunjukkan kefahaman belia pada tahap sederhana seperti isu liberalism, sekularisme, anti hadith dan ada item yang pada tahap rendah seperti item mengenai Hizbut Tahrir dan Qadiani. Implikasi kajian, JMNS perlu menggunakan strategi penyampaian fatwa yang lebih efektif bagi golongan belia yang aktif menggunakan internet dan media sosial baharu bagi memastikan golongan ini mendapat maklumat fatwa terkini dengan tepat.

Kata kunci: Fatwa, akidah, belia Islam, Selangor

Abstract

Religious rulings (fatwa) issued by the Department of Fatwa (Selangor) on matters related to Islamic decrees, such as the prohibitions of deviant teachings and ideologies that are contrary to Islam, such as Al-Arqam, Shia, Hizb ut-Tahrir, Qadiani, liberalism, pluralism, anti-hadith, Islamic State, and others, as a guideline for Muslims, especially young Muslims, not to get involved with these associations. The rulings have been issued, but the question is whether Muslim youth know about the prohibitions of deviant teachings and ideologies that are widely spread in Malaysia now. This study aims to identify the level of understanding of religious rulings on Islamic decree among Muslim youth in Selangor. This study uses a quantitative approach involving the method of review (survey) by utilizing a questionnaire. The instrument was built based on the existing rulings regarding the Islamic decree issued by the Department. There are a total of 1099 young Muslims aged between 17-20 years old who were selected as respondents with stratified group sampling method. The findings indicate that there are items that show the youth have a high level of knowledge of the religious rulings on Islamic decrees, such as issues of Valentine's Day. Some items indicate a medium level of knowledge among the youth, such as issues on liberalism, secularism, and anti-hadith, and some items indicate a low level of knowledge among them, such as issues related to Hizbut Tahrir and Qadiani. The study implies that the department needs to use a more effective medium for the dissemination of religious ruling knowledge among the Muslim youth who actively use the internet and new social media. This is important to ensure that this group gets accurate current information about religious rulings.

Keywords: Religious ruling, Islamic Decree, Muslim Youth, Selangor

Pendahuluan

Kehidupan masyarakat Islam yang semakin kompleks kesan dari perubahan zaman, interaksi dengan pelbagai budaya dan pemikiran asing menyebabkan timbulnya pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat Islam yang memerlukan fatwa bagi menjawab persoalan mengenai hukum-hakam dalam pelbagai aspek termasuk isu akidah. Persoalan mengenai hukum *Valentine's Day* contohnya telah dibangkitkan oleh masyarakat Islam ekoran amalan tersebut telah diraikan semenjak sekian lama oleh pasangan bercinta. Kedudukan hukumnya yang telah difatwakan sebagai haram dan bertentangan dengan akidah Islam telah diwar-warkan oleh institusi fatwa, namun maklumat ini tidak semestinya diketahui oleh semua lapisan masyarakat. Fatwa-fatwa membabitkan akidah contohnya pengharaman ajaran-ajaran sesat yang berleluasa di Malaysia seperti Al-Arqam, Syiah, Hizbut Tahrir dan Qadiani contohnya telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) agar ketetapan tersebut dapat menjadi garis panduan kepada umat Islam agar tidak terlibat dengan perkumpulan-perkumpulan berkenaan. Begitu juga bagi mengawal ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam dari terus berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam, JMNS turut mengeluarkan fatwa tentang status ideologi berkaitan contohnya fahaman liberalism, pluralism, anti-hadith, Islamic State dan lain-lain. (Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.t). Hakikat dimaklumi bahawa walaupun ajaran menyeleweng ini telah difatwakan sesat tetapi mereka masih lagi aktif menjalankan aktiviti mereka seperti biasa. Ajaran Qadiani yang telah difatwakan sesat semenjak 1989 masih kekal aktif di Kampung Nakhoda, Selangor (Harian Metro, 27 September 2017). Oleh itu, kefahaman mengenai status ajaran ini dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya belia diharapkan dapat mengelakkan mereka dari terpengaruh dengan ajaran ini.

Penyampaian maklumat mengenai fatwa perlu dipastikan sampai ke pengetahuan masyarakat terlebih dahulu, baharulah mereka memahami kedudukan ketetapan hukum yang difatwakan tersebut dan kemudiannya memilih sama ada mematuhi fatwa berkenaan ataupun mengabaikannya. Dapatan kajian Kamarudin Ahmad (2018) menunjukkan bahawa responden yang mendapat maklumat fatwa memberikan respon yang positif terhadap fatwa. Maklumat fatwa yang disampaikan kepada makluman mereka membantu pengamalan agama mereka menjadi lebih baik. Kajian Irwan Mohd Subri *et.al* (2017) mengenai penerimaan dan kepatuhan masyarakat Islam di Selangor berkenaan dengan fatwa-fatwa akidah menunjukkan respon yang positif dari kalangan responden. Dapatan kajian mendapati 68 peratus daripada responden mematuhi fatwa-fatwa akidah yang telah diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Dapatan kajian Ahmad Hidayat Buang & Che Rozaihan Che Rosli, (2017) juga menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa universiti memberikan respon positif tentang relevannya fatwa dengan kehidupan mereka. Peratusan responden yang bersetuju dan mengamalkan fatwa adalah sebanyak 61.8 peratus. Manakala, mahasiswa yang tidak berpuashati dengan fatwa adalah sebanyak 26.5 peratus.

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap kefahaman golongan belia tentang fatwa yang dikeluarkan oleh JMNS. Golongan belia dipilih sebagai responden kajian ini atas pertimbangan bahawa golongan belia adalah aset penting kepada umat Islam. Mereka adalah bakal memimpin negara pada masa hadapan. Oleh itu, mereka perlu dibentuk dan diberi pengetahuan Islam yang mencukupi agar pemimpin masa hadapan ini mempunyai kefahaman yang jelas tentang tanggungjawab Muslim sebagai khalifah di muka bumi ini. Pada peringkat umur ini, perkembangan fizikal, intelektual, moral dan kemahiran berkembang dan memberi kesan terhadap cara berfikir dan bertindak pada masa hadapan. Dengan pendidikan yang betul mereka mampu menggerakkan umat Islam ke arah kebaikan (Mohammad Manzoor Alam, 1983). Kajian menunjukkan pengalaman yang dilalui pada peringkat umur belia banyak mempengaruhi identiti keagamaan yang berperanan sebagai panduan kepada mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka berlandaskan kepada prinsip agama Islam (Kashyap & Lewis, 2013).

Permasalahan Kajian

Golongan belia Islam kerap dikaitkan dengan gejala keruntuhan akhlak, moral dan kesalahan melanggar ketentuan agama. Pada peringkat umur ini, mereka dilihat sebagai golongan yang mudah terpengaruh dengan anasir luar yang merosakkan jati diri mereka sebagai belia Islam (Zainora Daud *et.,al*, 2016). Hasil kajian yang dilakukan oleh Nurul Izzah Noor Zainan *et.,al* (2021) mendapati penggunaan media sosial tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar dari aspek keganasan dan pornografik, fesyen, hubungan sillaturrahim serta perkataan dan perbuatan.

Hakikatnya, ideologi songsang dan bertentangan dengan akidah Islam semakin bertapak dalam kalangan masyarakat Islam. Islam liberal, pluralisme sekularisme umpamanya, merupakan satu ancaman yang boleh menjauhkan belia dari ajaran Islam yang sebenar. Begitu juga terdapat usaha oleh pihak-pihak tertentu yang cuba menyelewengkan akidah dan menyebarkan ajaran sesat yang boleh memesongkan akidah umat Islam (Siti Zubaidah Ismail, 2010). Kajian Zainora Daud *et.al*, (2016) mengenai pengaruh pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam di Selangor mendapati bahawa pemikiran ini telah mempengaruhi belia-belia Islam walaupun tahap peratusannya tidak terlalu tinggi. Dapatan kajian tersebut menunjukkan kurang dari 20 peratus dari jumlah responden terlibat dengan pemikiran tidak beragama. Ini membuktikan bahawa gejala ini telah menular dalam kalangan belia Islam di Selangor, dan ini adalah sesuatu yang membimbangkan kerana hakikatnya pemikiran ini telah bertapak dan

semakin menular sedikit demi sedikit dalam kehidupan belia Islam. Peratusan mereka yang terlibat dalam pemikiran tidak beragama ini juga selari dengan peratusan responden dalam kajian itu berkenaan dengan item ‘penghayatan Islam dalam kehidupan’ yang mana didapati 23.3 peratus responden kurang mengambil berat tentang Islam dan 2.3 peratus mengaku tidak mengambil berat tentang Islam (Zainora Daud, *et.al*, 2016).

Kefahaman masyarakat Islam mengenai akidah ahli sunnah wal jama’ah dapat menangkis pengaruh akidah yang terpesong dari mempengaruhi mereka umumnya, dan belia secara khusus. Dapatkan kajian yang dilakukan oleh Muhamad Faiz Ismail et.,al (2012) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar mengenai Islam liberal adalah sederhana dan pengaruh elemennya juga berada pada tahap yang rendah. Namun, dapatkan ini jelas membuktikan kewujudan pengaruh fahaman ini. Oleh itu, penghayatan akidah yang tinggi perlu dititikberatkan agar pelajar tidak mudah terpengaruh dengan fahaman yang boleh merosakkan aqidah.

Walaupun fatwa telah dikeluarkan tentang status pengharaman satu-satu ajaran sesat yang menyeleweng dari Islam di Malaysia, namun hakikatnya kefahaman tentang status pengharaman serta isu penting yang menyebabkan pengharaman sesuatu ajaran itu tidak semestinya diketahui oleh masyarakat Islam. Contohnya pengharaman ajaran al-Arqam yang kemudiannya bergerak di bawah Syarikat Rufaqa Corporation dan yang terkini menggunakan nama Global Ikhwan Sdn Bhd bagi pergerakan mereka tidak begitu diketahui ramai. Kajian oleh Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor (2015) dalam kalangan masyarakat Islam Tasek Gelugor berkenaan kefahaman mereka tentang ajaran yang dipegang oleh Global Ikhwan mendapati masyarakat kurang peka dan kurang pengetahuan (tahap sederhana) tentang aspek pegangan ajarannya, tetapi mempunyai maklumat pada tahap tinggi berkenaan aspek perniagaan bagi perkumpulan berkenaan. Kepekaan terhadap isu al-Arqam dan Global Ikhwan semakin pudar. Hal ini adalah sesuatu yang dapat dijangka kerana perbincangan mengenai akidah serta ajaran-ajaran yang menyeleweng dari Islam lazimnya diketahui oleh mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama Islam atau mereka yang berminat mencari maklumat tambahan berkenaan ajaran Islam melalui pelbagai sumber. Nurbazla Ismail et.al., (2023) mendapati bahawa faktor utama penerimaan atau penolakan sesuatu fatwa di peringkat individu ialah disebabkan pertamanya, kefahaman individu tersebut dalam memahami teks nas agama serta kefahaman tentang fiqh keutamaan dalam ibadat. Kedua, faktor sumber rujukan dan ketiga faktor kesediaan individu tersebut sendiri untuk mahu mengambil tahu dan berminat untuk mengetahui fatwa serta mahu menjaga kepentingan peribadi.

Sebagai golongan dominan dalam masyarakat, dan bakal pemimpin masyarakat pada masa hadapan, golongan belia sepatutnya mempunyai kredibiliti dan kefahaman yang jelas tentang peranan mereka sebagai khalifah di muka bumi. Penelitian terhadap al-Quran menunjukkan peringkat usia belia kerap dikaitkan dengan usia para nabi dan rasul menerima mesej sebagai penggerak dakwah yang menyeru ke arah kebaikan serta memandu umat manusia ke arah kehidupan yang direndai oleh Allah s.w.t. Begitu juga para sahabat Nabi Muhammad s.a.w dari usia belia lagi dipertanggungjawabkan dengan pelbagai tugas penting serta menyumbang kepada masyarakat Islam (Jamal Ahmed Badi, 2003). Pengetahuan dan kefahaman yang baik tentang agama Islam adalah faktor utama yang dapat mencorakkan perilaku dan kecenderungan golongan ini bagi memenuhi tuntutan tersebut. Mereka yang taat kepada ketentuan agama, dengan sendirinya menjadi lebih mudah mematuhi fatwa yang juga adalah sebahagian dari ketentuan agama.

Peringkat umur belia (15 hingga 40 tahun) adalah peringkat umur seseorang terdedah kepada pelbagai bentuk ilmu pengetahuan dan maklumat dari pelbagai sumber. Kajian oleh Farahwahida Mohd Yusoff (2005) yang dilakukan terhadap 325 orang responden menunjukkan kebanyakan pengetahuan awal mengenai fatwa diperolehi ketika responden berada dalam usia persekolahan, sama ada ketika di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Dapatkan ini menunjukkan peringkat umur belia adalah tempoh di mana maklumat tentang fatwa diketahui oleh responden yang dikaji. Oleh itu, kajian berkenaan dengan kefahaman belia mengenai fatwa akidah, khususnya bagi mereka yang tinggal di negeri Selangor adalah sesuatu yang wajar dilakukan bagi mendapatkan maklumat terkini agar tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan bagi mempertingkat kefahaman tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Dalam proses pengumpulan data, instrumen soal selidik dibina berdasarkan konstruk elemen utama fatwa dan isu berkaitan dengan penerimaan dan pemahaman belia khususnya fatwa berkaitan akidah. Instrumen mendapat keesahan daripada pakar yang terdiri daripada profesor universiti, ahli jawatan kuasa fatwa Selangor dan Timbalan Mufti Negeri Selangor. Item-item yang dibina meliputi aspek berkaitan dengan tahap pemahaman fatwa akidah yang telah diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Lokasi kajian adalah di negeri Selangor melibatkan semua sembilan daerah dalam Megeri Selangor, iaitu Sabak Bernam, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sepang, Gombak dan Hulu Langat melibatkan kawasan bandar dan luar bandar. Seramai 1099 responden telah dipilih dalam kalangan belia Islam di negeri Selangor dengan menggunakan kaedah persampelan kelompok berstrata. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif yang melihat tahap setuju daripada aspek jantina (lelaki dan perempuan), kekerapan dan peratus. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS.

Hasil Kajian dan Perbincangan

(a) Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 1, seramai 1099 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Seramai 494 responden lelaki (44.9 peratus) dan 605 responden perempuan (55.1 peratus). Dari jumlah berkenaan responden yang berusia 17 hingga 20 tahun adalah yang paling ramai iaitu 466 orang (42.4 peratus), diikuti dengan usia 21 hingga 25 tahun seramai 273 orang (24.8 peratus), responden berumur 26 hingga 30 tahun adalah seramai 118 (10.7 peratus), responden berumur 31 hingga 35 tahun seramai 113 orang (10.3 peratus) dan responden berumur 36 hingga 40 tahun seramai 129 orang (11.7 peratus).

Dari sudut lokasi, seramai 573 orang responden (52.1 peratus) tinggal di bandar dan 526 orang responden (47.9 peratus) tinggal di luar bandar. Jumlah responden yang paling ramai adalah dari daerah Kuala Langat seramai 147 orang (13.4 peratus), diikuti oleh Hulu Selangor seramai 138 orang (12.6 peratus), Sabak Bernam 132 orang (12 peratus), Petaling 121 orang (11 peratus), Sepang 119 orang (10.8 peratus), Kuala Selangor 118 orang (10.7 peratus), Klang seramai 113 orang (10.3 peratus), Hulu Langat 108 orang (9.8 peratus) dan Gombak 103 orang (9.4 peratus).

Jadual 1: Demografi Responden

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	494	44.9
Perempuan	605	55.1
Umur		
17 – 20 Tahun	466	42.4
21 – 25 Tahun	273	24.8
26 – 30 Tahun	118	10.7
31 – 35 Tahun	113	10.3
36 – 40 Tahun	129	11.7
Lokasi Bermastautin		
Bandar	573	52.1
Luar Bandar	526	47.9
Daerah Bermastautin		
Gombak	103	9.4
Hulu Langat	108	9.8
Hulu Selangor	138	12.6
Klang	113	10.3
Kuala Langat	147	13.4
Kuala Selangor	118	10.7
Petaling	121	11.0
Sabak Bernam	132	12.0
Sepang	119	10.8

(b) Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Gombak, Hulu Selangor dan Petaling

Di daerah Gombak, hasil kajian mendapati seramai 44 responden lelaki (88 peratus) dan 48 responden Perempuan (90.6 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman *Valentine's Day*, 42 responden lelaki (84 peratus) dan 47 responden perempuan (88.7 peratus) setuju kefahaman mengenai fatwa pengharaman ajaran Syiah. Manakala, 26 responden lelaki (52 peratus) dan 29 responden perempuan (52 peratus) setuju dengan fatwa mengenai penyelewengan dalam liberalisme dan pluralisme, 33 responden lelaki (66 peratus) dan 32 responden perempuan (60.4 peratus) setuju dengan fatwa penyelewengan kefahaman Islam dalam ajaran *Islamic state*, 36 responden lelaki (72 peratus) dan 39 responden perempuan (73.6 peratus) setuju fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, dan 36 responden lelaki (72 peratus) dan 35 responden perempuan (66 peratus) setuju fahaman anti hadith adalah diharamkan kerana mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber rujukan ajaran Islam, 22 responden lelaki (24 peratus) dan 20 responden perempuan (24 peratus) setuju dengan pengetahuan fatwa mengenai pengharaman Hizbut Tahrir.

Di daerah Hulu Selangor, hasil kajian mendapati seramai 54 responden lelaki (94.7 peratus) dan 80 responden perempuan (98.8 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman *Valentine's Day*, 55 responden lelaki (96.5 peratus) dan 78 responden perempuan (96.3 peratus) setuju mengenai fatwa pengharaman ajaran Syiah, 43 responden lelaki (75.4 peratus) dan 62 responden perempuan (76.5 peratus) setuju mengenai fatwa fahaman anti hadith adalah diharamkan, 43 responden lelaki (75.4 peratus) dan 58 responden perempuan (71.6 peratus)

setuju mengenai fatwa penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 41 responden lelaki (71.9 peratus) dan 52 responden perempuan (64.2 peratus) setuju mengenai fatwa penyelewengan dalam liberalisme dan pluralisme, 30 responden lelaki (52.6 peratus) dan 40 responden perempuan (49.4 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman al-Arqam, 23 responden lelaki (40.4 peratus) dan 21 responden perempuan (25.9 peratus) setuju pengetahuan mengenai kedudukan fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 32 responden lelaki (56.1 peratus) dan 28 responden perempuan (34.6 peratus) setuju mengenai fatwa ajaran Ahmadiyah atau Qadiani adalah salah di sisi agama Islam dan pengikutnya adalah kafir.

Manakala di daerah Petaling, hasil kajian mendapati 60 responden lelaki (100 peratus) dan 56 responden perempuan (91.8 peratus) setuju mengenai pengetahuan pengharaman ajaran Syiah, 59 responden lelaki (98.3 peratus) dan 56 responden perempuan (91.8 peratus) setuju mengenai fatwa pengharaman Valentine's Day, 51 responden lelaki (85 peratus) dan 44 responden perempuan (72.1 peratus) setuju mengenai fatwa penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 50 responden lelaki (83.3 peratus) dan 36 responden perempuan (59 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman kefahaman Islamic State, 45 responden lelaki (75 peratus) dan 44 responden perempuan (72.1 peratus) setuju dengan fatwa fahaman anti hadith adalah diharamkan, 43 responden lelaki (71.7 peratus) dan 39 responden perempuan (63.9 peratus) setuju dengan fatwa penyelewengan dalam liberalisme dan pluralisme, 30 responden lelaki (50 peratus) dan 9 responden perempuan (14.8 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 34 responden lelaki (56.7 peratus) dan 12 responden perempuan (19.7 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Ahmadiyah. Perkara ini dapat dilihat seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Gombak, Hulu Selangor dan Petaling

Bil.	Item	Gombak		Hulu Selangor		Petaling	
		Setuju (%)		Setuju (%)		Setuju (%)	
		L (n=50)	P (n=53)	L (n=57)	P (n=81)	L (n=60)	P (n=61)
1.	Penggunaan perkataan (kalimah) Allah bagi agama lain adalah dilarang sama sekali.	36 (72)	39 (73.6)	43 (75.4)	58 (71.6)	51 (85)	44 (72.1)
2.	Haram orang Islam meraikan Valentine's Day.	44 (88)	48 (90.6)	54 (94.7)	80 (98.8)	59 (98.3)	56 (91.8)
3.	Jemaah al-Arqam / Rufaqa' / al-Ikhwan yang berpegang dengan ajaran-ajaran Aurad Muhammadiyah adalah salah di sisi Islam.	19 (38)	16 (30.2)	30 (52.6)	40 (49.4)	40 (66.7)	24 (39.3)
4.	Ajaran Syiah adalah bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.	42 (84)	47 (88.7)	55 (96.5)	78 (96.3)	60 (100)	56 (91.8)
5.	Ajaran Hizbut Tahrir adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	12 (24)	16 (30.2)	23 (40.4)	21 (25.9)	30 (50)	9 (14.8)
6.	Fahaman ajaran militan Islamic State (IS) adalah bertentangan dengan ajaran Islam.	33 (66)	32 (60.4)	47 (82.5)	70 (86.4)	50 (83.3)	36 (59)
7.	Fahaman anti hadith adalah diharamkan kerana mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber rujukan ajaran Islam.	36 (72)	35 (66)	43 (75.4)	62 (76.5)	45 (75)	44 (72.1)
8.	Ajaran Ahmadiah/Qadiani adalah salah di sisi agama Islam dan pengikutnya adalah kafir.	22 (56)	20 (37.7)	32 (56.1)	28 (34.6)	34 (56.7)	12 (19.7)
9.	Pemikiran aliran Liberalisme dan Pluralisme agama adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	26 (52)	29 (54.7)	41 (71.9)	52 (64.2)	43 (71.7)	39 (63.9)

(c) Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Gombak, Hulu Selangor dan Petaling

Di daerah Klang, hasil kajian mendapati 54 responden lelaki (91.5 peratus) dan 51 responden perempuan (94.4 peratus) bersetuju mengenai pengetahuan pengharaman Valentine's Day, 54 responden lelaki (91.5 peratus) dan 48 perempuan (88.9 peratus) setuju kefahaman mengenai pengharaman ajaran Syiah, 49 responden lelaki (83.1 peratus) dan 46 responden perempuan (85.2 peratus) setuju mengenai fatwa mengenai fahaman anti hadith adalah diharamkan, 41 responden lelaki (69.5 peratus) dan 37 responden perempuan (68.5 peratus) setuju kefahaman mengenai item penyelewengan dalam fahaman liberalism dan pluralisme, 43 responden lelaki (72.9 responden) dan 44 responden perempuan (81.5 peratus) adalah agak tinggi sedikit berbanding lelaki, bersetuju dengan item ajaran Islamic state bertentangan dengan ajaran Islam. Manakala 42 responden perempuan (77.8 peratus) dan 52 responden lelaki (88.1 peratus) bersetuju dengan item fatwa penggunaan kalimah Allah oleh agama lain, 29 responden perempuan (53.7 peratus) dan 28 responden lelaki (47.5 peratus) bersetuju mengenai item

pengharaman ajaran al-Arqam, 23 responden lelaki (39 peratus) dan 23 responden perempuan (42.6 peratus) bersetuju mengenai fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 29 responden lelaki (49.2 peratus) dan 22 responden perempuan (40.7 peratus) setuju dengan pengharaman Qadiani.

Di daerah Kuala Langat, hasil kajian mendapati 57 responden perempuan (98.3 peratus) dan 86 responden lelaki (96.6 peratus) setuju mengenai fatwa pengharaman Valentine's Day, 54 responden lelaki (93.1 peratus) dan 85 responden perempuan (95.5 peratus) setuju kefahaman mengenai fatwa pengharaman ajaran Syiah, 40 responden lelaki (69 peratus) dan 54 responden perempuan (60.7 peratus) setuju dengan fatwa ajaran Islamic state bertentangan dengan ajaran Islam, 31 responden lelaki 31 (53.4 peratus) dan 61 responden perempuan (68.5 peratus) bersetuju fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 51 responden perempuan (57.3 peratus) dan 24 responden lelaki (41.4 peratus) setuju fatwa pengharaman fahaman anti hadith, 11 responden lelaki (19 peratus) dan 28 responden perempuan (31.5 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman al-Arqam, 13 responden lelaki (22.4 peratus) dan 16 responden perempuan (18 peratus) setuju fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 25 responden lelaki (43.1 peratus) dan 30 responden perempuan (33.7 peratus) setuju fatwa pengharaman ajaran Qadiani, 23 responden lelaki (39.7 peratus) dan 35 responden perempuan (39.3 peratus) setuju fatwa liberalisme dan pluralisme menyeleweng daripada ajaran Islam.

Di daerah Kuala Selangor, hasil kajian mendapati 52 responden perempuan (92.9 peratus) dan 61 responden lelaki (98.4 peratus) setuju fatwa mengenai pengharaman Valentine's Day, 52 responden lelaki (92.9 peratus) dan 59 responden perempuan (95.2 peratus), fatwa mengenai pengharaman ajaran Syiah, 42 responden lelaki (75 peratus) dan 40 responden perempuan (64.5 peratus) setuju fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 43 responden lelaki (76.8 peratus) dan 46 responden perempuan (74.2 peratus) setuju dengan fatwa fahaman anti hadith bertentangan dengan Islam, 39 responden lelaki (69.6 peratus) dan 45 responden perempuan (72.6 peratus) bersetuju dengan item fatwa mengenai aliran liberalisme dan pluralism, 31 responden lelaki (55.4 peratus) dan 16 responden perempuan (25.8 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Qadiani, 43 responden lelaki (76.8 peratus) dan 52 responden perempuan (83.9 peratus) setuju fatwa mengenai ajaran Islamic State bertentangan dengan Islam, 18 responden lelaki (32.1 peratus) dan 10 responden perempuan (16.1 peratus) setuju fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 31 responden lelaki (55.4 peratus) dan 16 responden perempuan (25.8 peratus) setuju dengan item pengharaman ajaran Qadiani, dan 31 responden lelaki (55.4 peratus) dan 23 responden perempuan (37.1 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman al-Arqam. Perkara ini dapat dilihat sepetimana ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor

Bil.	Item	Klang		Kuala Langat		Kuala Selangor	
		Setuju (%)		Setuju (%)		Setuju (%)	
		L (n=59)	P (n=54)	L (n=58)	P (n=89)	L (n=56)	P (n=62)
1.	Penggunaan perkataan (kalimah) Allah bagi agama lain adalah dilarang sama sekali.	52 (88.1)	42 (77.8)	31 (53.4)	61 (68.5)	42 (75)	40 (64.5)
2.	Haram orang Islam meraikan Valentine's Day.	54 (91.5)	51 (94.4)	57 (98.3)	86 (96.6)	52 (92.9)	61 (98.4)

bersambung

3.	Jemaah al-Arqam / Rufaqa' / al-Ikhwan yang berpegang dengan ajaran-ajaran Aurad Muhammadiyah adalah salah di sisi Islam.	28 (47.5)	29 (53.7)	11 (19)	28 (31.5)	31 (55.4)	23 (37.1)
4.	Ajaran Syiah adalah bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.	54 (91.5)	48 (88.9)	54 (93.1)	85 (95.5)	52 (92.9)	59 (95.2)
5.	Ajaran Hizbut Tahrir adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	23 (39)	23 (42.6)	13 (22.4)	16 (18)	18 (32.1)	10 (16.1)
6.	Fahaman ajaran militan Islamic State (IS) adalah bertentangan dengan ajaran Islam.	43 (72.9)	44 (81.5)	40 (69)	54 (60.7)	43 (76.8)	52 (83.9)
7.	Fahaman anti hadith adalah diharamkan kerana mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber rujukan ajaran Islam.	49 (83.1)	46 (85.2)	24 (41.4)	51 (57.3)	43 (76.8)	46 (74.2)
8.	Ajaran Ahmadiah/Qadiani adalah salah di sisi agama Islam dan pengikutnya adalah kafir.	29 (49.2)	22 (40.7)	25 (43.1)	30 (33.7)	31 (55.4)	16 (25.8)
9.	Pemikiran aliran Liberalisme dan Pluralisme agama adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	41 (69.5)	37 (68.5)	23 (39.7)	35 (39.3)	39 (69.6)	45 (72.6)

(d) Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Gombak, Hulu Selangor dan Petaling

Di daerah Sabak Bernam, hasil kajian mendapati 50 responden lelaki (96.2 peratus) dan 76 responden perempuan (95 peratus) setuju fatwa pengharaman ajaran Syiah, 79 responden lelaki (98.8 peratus) dan 47 responden perempuan (90.4 peratus) bersetuju mengenai pengetahuan fatwa pengharaman Valentine's Day, 38 responden lelaki (73.1 peratus) dan 66 responden perempuan (82.5 peratus) setuju mengenai fatwa mengenai fahaman anti hadith adalah diharamkan, 41 responden lelaki (69.5 peratus) dan 37 responden perempuan (68.5 peratus) setuju kefahaman mengenai fatwa penyelewengan dalam fahaman liberalism dan pluralisme, 55 responden perempuan (68.8 peratus) dan 39 responden lelaki (75 peratus) bersetuju dengan fatwa penggunaan kalimah Allah oleh agama lain, 29 responden perempuan (53.7 peratus) dan 28 responden lelaki (47.5 peratus) setuju mengenai fatwa pengharaman ajaran al-Arqam, 35 responden lelaki (67.3 peratus) dan 57 responden perempuan (71.3 peratus) setuju mengenai fatwa pemikiran liberalisme dan pluralisme bertentangan dengan Islam, 29 responden lelaki (49.2 peratus) dan 22 responden perempuan (40.7 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman Qadiani, 34 responden lelaki (65.4 responden) dan 68 responden perempuan (85 peratus) setuju dengan fatwa ajaran Islamic state bertentangan dengan ajaran Islam, 14 responden perempuan (17.5 peratus) dan 18 responden lelaki (34.6 peratus) setuju fatwa ajaran Hizbut Tahrir bertentangan dengan Islam, 16 responden perempuan (20 peratus) dan 23 responden lelaki (44.2 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Ahmadiah atau Qadiani, dan 17 responden perempuan (21.3 peratus) dan 14 responden lelaki (26.9 peratus) setuju fatwa pengharaman ajaran Aurad Muhammadiyah.

Di daerah Hulu Langat, hasil kajian mendapati 57 responden perempuan (98.3 peratus) dan 48 responden lelaki (96 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman *Valentine's Day*, 49 responden lelaki (98 peratus) dan 53 responden perempuan (91.4 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Syiah, 15 responden lelaki (30 peratus) dan 6 responden perempuan (10.3 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 18 responden lelaki (36 responden) dan 13 responden perempuan (22.4 peratus) setuju fatwa pengharaman al-Arqam, 20 responden lelaki (40 peratus) dan 11 responden perempuan (19 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Qadiani, 37 responden lelaki (74 peratus) dan 34 responden perempuan (58.6 peratus) setuju dengan fatwa ajaran Islamic state bertentangan dengan Islam, 38 responden lelaki (76 peratus) dan 41 responden perempuan (70.7 peratus) setuju fatwa mengenai penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 32 responden lelaki (64 peratus) dan 30 responden perempuan (51.7 peratus) setuju dengan fatwa terhadap golongan anti hadith; dan 37 responden lelaki (74 peratus) dan 28 responden perempuan (48.3 peratus) setuju mengenai fatwa liberalisme dan pluralisme menyeleweng daripada Islam.

Di daerah Sepang, hasil kajian mendapati 50 responden perempuan (96.2 peratus) dan 65 responden lelaki (97 peratus) setuju dengan fatwa mengenai pengharaman Syiah, 50 responden lelaki (96.2 peratus) dan 64 responden perempuan (95.5 peratus) setuju dengan fatwa mengenai pengharaman meraikan *Valentine's Day*, 17 responden lelaki (32.7 peratus) dan 5 responden perempuan (7.5 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman Hizbut Tahrir, 13 responden lelaki (25 peratus) dan 17 responden perempuan (25.4 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman al-Arqam, 41 responden lelaki (78.8 peratus) dan 45 responden perempuan (67.2 peratus) setuju dengan fatwa penggunaan kalimah Allah bagi agama lain, 33 responden lelaki (63.5 peratus) dan 41 responden perempuan (61.2 peratus) setuju mengenai fatwa liberalism dan pluralisme menyeleweng daripada Islam, seramai 36 responden lelaki (69.2 peratus) 39 responden perempuan (58.2 peratus) setuju dengan fatwa fahaman anti hadith diharamkan, 43 responden lelaki (82.7 peratus) dan 49 responden perempuan (73.1 peratus) setuju fatwa pengharaman fahaman ajaran militan Islamic State, 29 responden lelaki (55.8 peratus) dan 11 responden perempuan (16.4 peratus) setuju dengan fatwa pengharaman ajaran Ahmadiah. Perkara ini dapat dilihat seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Tahap Kefahaman Responden Mengenai Fatwa Akidah di Daerah Sabak Bernam, Hulu Langat dan Sepang

Bil.	Item	Sabak Bernam		Hulu Langat		Sepang	
		Setuju (%)		Setuju (%)		Setuju (%)	
		L (n=52)	P (n=80)	L (n=50)	P (n=58)	L (n=52)	P (n=67)
1.	Penggunaan perkataan (kalimah) Allah bagi agama lain adalah dilarang sama sekali.	39 (75)	55 (68.8)	38 (76)	41 (70.7)	41 (78.8)	45 (67.2)
2.	Haram orang Islam meraikan <i>Valentine's Day</i> .	47 (90.4)	79 (98.8)	48 (96)	57 (98.3)	50 (96.2)	64 (95.5)
3.	Jemaah al-Arqam / Rufaqa' / al-Ikhwan yang berpegang dengan ajaran-ajaran Aurad Muhammadiah adalah salah di sisi Islam.	14 (26.9)	17 (21.3)	18 (36)	13 (22.4)	13 (25)	17 (25.4)
4.	Ajaran Syiah adalah bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.	50 (96.2)	76 (95)	49 (98)	53 (91.4)	50 (96.2)	65 (97)

bersambung

5.	Ajaran Hizbut Tahrir adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	18 (34.6)	14 (17.5)	15 (30)	6 (10.3)	17 (32.7)	5 (7.5)
6.	Fahaman ajaran militan Islamic State (IS) adalah bertentangan dengan ajaran Islam.	34 (65.4)	68 (85)	37 (74)	34 (58.6)	43 (82.7)	49 (73.1)
7.	Fahaman anti hadith adalah diharamkan kerana mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber rujukan ajaran Islam.	38 (73.1)	66 (82.5)	32 (64)	30 (51.7)	36 (69.2)	39 (58.2)
8.	Ajaran Ahmadiah/Qadiani adalah salah di sisi agama Islam dan pengikutnya adalah kafir.	23 (44.2)	16 (20)	20 (40)	11 (19)	29 (55.8)	11 (16.4)
9.	Pemikiran aliran Liberalisme dan Pluralisme agama adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.	35 (67.3)	57 (71.3)	37 (74)	28 (48.3)	33 (63.5)	41 (61.2)

Secara keseluruhannya daripada dapatan kajian menunjukkan kefahaman tentang pengharaman Valentine's Day di tahap peratus setuju yang tinggi dalam kalangan responden. Maklumat pengharaman Valentine's Day ini kerap dipaparkan dalam media cetak dan elektronik contohnya dalam surat khabar, radio dan televisyen. Contohnya Sinar Harian Online pada tahun 2024 mengulang kembali ketetapan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-71 pada tahun 2005, dan mengaitkan amalan tersebut dengan kegiatan yang tidak bermoral seperti khalwat dan berzina (Sinar Harian, 9 Februari 2024). Asas pengharamannya adalah disebabkan ianya budaya yang diamalkan oleh orang bukan Islam yang menjadikan zina amalan kebiasaan kehidupan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017).

Selain itu, kajian ini mendapati kefahaman tahap peratus setuju yang tinggi mengenai fatwa pengharaman ajaran Syiah di Selangor. Dapatan ini selaras dengan kajian Mohamed Fairooz Mohamed Fatillah et.al (2016) yang mendapati kefahaman belia Selangor mengenai status dan perkembangan Syiah di Selangor adalah pada tahap sederhana tinggi. Min yang tertinggi ialah 4.27 iaitu seramai 1930 orang (90.2 peratus) responden mengetahui bahawa kerajaan negeri Selangor telah mewartakan pengharaman ajaran Syiah di Selangor. 74.3 peratus responden mempercayai bahawa penyebaran ajaran Syiah di universiti dilakukan oleh pensyarah dan juga disebabkan wujudnya pembentukan pengajian dari negara Iran. Pengetahuan mengenai ancaman ajaran Syiah agak kerap muncul dalam media di Malaysia, contohnya melalui surat khabar, artikel dan sebagainya. Peringatan ini pernah dinyatakan oleh Mufti Perak yang dilaporkan dalam Sinar Harian pada tahun 2019 (Sinar Harian, 11 September 2019).

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap peratus rendah dalam kalangan responden mengenai aliran-aliran dan ideologi menyeleweng dari Islam seperti liberalism, anti-hadith dan ajaran sesat (Hizbut Tahrir dan Ahmadiah). Kajian Nur Syahirah Syazwani Murad dan Kamarul Azmi Jasmi (2022) mendapati antara faktor utama yang menyebabkan seseorang itu terlibat dalam ajaran sesat adalah disebabkan kedangkalan ilmu tentang ajaran Islam yang menyebabkan mereka mudah dikelirukan dan terpengaruh dengan penyelewengan tafsiran nas al-Quran dan hadis. Walaupun amaran mengenai kesesatan akidah Qadiani (Ahmadiah), Hizbut Tahrir dan ajaran sesat yang lain ini pernah dipaparkan dalam dada akhbar, (Sinar

Harian, 14 Mac 2024; Utusan Borneo Online, 29 November 2016), namun pengetahuan tentang status pengharaman ajaran-ajaran ini kurang difahami dalam kalangan belia Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kefahaman fatwa mengenai akidah dalam kalangan responden di negeri Selangor adalah ditahap sederhana. Perbandingan kefahaman fatwa antara responden lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Bagi memperbaiki tahap kefahaman berkaitan fatwa, beberapa inisiatif dicadangkan bagi meningkatkan kefahaman belia mengenai fatwa akidah di negeri Selangor. Media sosial, televisyen dan akhbar untuk mendapatkan pengetahuan dan meningkatkan kefahaman mengenai fatwa. Kajian mengenai penyampaian fatwa-fatwa khususnya dalam kefahaman akidah perlu diberi perhatian bagi mendedahkan generasi muda Muslim muda mengetahui tentang fatwa dan mematuhi atas dasar tanggungjawab sebagai Muslim. Ia boleh disebarluaskan kepada saudara baharu (*muallaf*) bagi memahamkan mereka tentang ajaran Islam. Dalam masa yang sama, penggunaan medium yang sesuai dengan kelompok belia dan arus global masa kini perlu dititikberatkan. Penggunaan media sosial seperti tiktok, Instagram dan facebook bagi menyebarkan fatwa dalam bahasa yang difahami dan mampu menarik minat dalam mengetahui dan menerima fatwa-fatwa di negeri Selangor.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan kajian yang bertajuk “Kajian Sebaran Fatwa dalam kalangan Belia Islam di Negeri Selangor.” Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Rujukan

Ahmad Hidayat Buang & Che Rozaihan Che Rosli (2017) Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 9 (1) 129 – 147.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003.

Farahwahida Mohd Yusoff (2005). *Keberkesanan Pelaksanaan Fatwa dalam Menangani Aliran-Aliran Kepercayaan di Malaysia: Kajian Kes Terhadap al-Arqam dan Ahmadiyah Qadiani*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Harian Metro, Ajaran Sesat Qadiani Bebas Berkembang, 27 September 2017, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/267432/ajaran-sesat-qadiani-bebas-berkembang> (akses 1 November 2023).

Irwan Mohd Subri, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Azman Ab. Rahman, Zaharuddin Zakaria, Ahmad Wifaq Mokhtar dan Anas Mohd Bukhari (2017). Penerimaan dan Kepatuhan Masyarakat Muslim di Selangor Terhadap Fatwa-fatwa Akidah yang telah Diputuskan. Laporan Akhir Penyelidikan. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Jabatan Mufti Negeri Selangor (t.t). *Himpunan Fatwa*. Jabatan Mufti Negeri Selangor: Shah Alam.

Jamal Ahmed Badi (2003). Towards A Comprehensive Understanding of Da'wah to Muslim Youth. *Jurnal Usuluddin* 18 (2):149-60.

Kamarudin Ahmad, Azman Md Zain, Mohd Nizho Abdul Rahman, Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan, Solahuddin Abdul Hamid, Zulhilmi Paidi & Mohd Hilmi Hamzah (2018). Penerimaan Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa Jabatan Mufti Kelantan Berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick: Satu Kajian Awal. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018* (PASAk3 2018), 23-24 April 2018. Bandar Seri Putra: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kashyap, R., & Lewis, V.A (2013). British Muslim Youth and Religious Fundamentalism: A Quantitative Investigation. *Ethnic and Racial Studies*, 36: 2117-2140. <http://dx.doi.org/10.1080/01419870.2012.672761>. (akses pada 5 April 2017).

Mohamed Fairooz Mohamed Fatillah, Mohamad Fuad Haji Ishak & Aminuddin Basir (2016). Tahap Pengetahuan Belia Mengenai Gerakan Syiah Melalui Pendidikan di Selangor, *Jurnal Pengajian Islam*, 9 (2): 49-76.

Mohammad Manzoor Alam (1983). *Role of the Muslim Youth in the Reconstruction of the Contemporary World*. Delhi: Hindustan Publications.

Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1): 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>

Muhamad Faiz Ismail, Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal. International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012, Saudi Arabia, 1-2 Jun 2012.

Nurbazla Ismail, Anwar Fakhri Omar & Ammar Rushdi Jamaluddin, (2023). Perspektif Mufti Berkaitan Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia, *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6 (4): 10-18.

Nur Syahirah Syazwani Murad & Kamarul Azmi Jasmi, (2022). Isu Ajaran Sesat dalam Kalangan Umat Islam di Malaysia. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1) 2022: 433-438. https://www.researchgate.net/publication/359453431_Proceeding_Seminar_Falsafah_Sains_dan_Ketamadun_Bil_4_Jilid_1_2022_Tema_Nilai_dalam_Falsafah_Sains_dan_Tamadun (akses 30 Mei 2024).

Nurul Ayu Bakar & Ahmad Yunus Mohd Noor (2015) Tahap Kefahaman dan Persepsi Masyarakat terhadap Global Ikhwan Sdn. Bhd. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Nurul Izzah Noor Zainan, Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa @ Busu & Zurkarnain Yusoff (2021). Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal, *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities &*

Social Sciences (i-LEdHS2021) [https://ir.uitm.edu.my/ id/eprint/45207/1/45207.pdf](https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45207/1/45207.pdf)
(akses pada 1 November 2023).

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2017). Bayan Linnas, Seris 84: Valentine's Day.
<https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1032-bayan-linnas-series-84-valentine-s-day> (akses pada 30 Mei 2024).

Sinar Harian, Syiah tidak boleh disebarluaskan walaupun secara tertutup: Harussani. 11 September 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/47454/berita/nasional/syiah-tidak-boleh-disebarluaskan-walaupun-sekara-tertutup-harussani>. (akses pada 30 Mei 2024).

Sinar Harian, Falsafah ‘Ahmadi’ jelas bercanggah ajaran Islam - IKIM, 14 Mac 2024.
<https://www.sinarharian.com.my/article/654415/berita/semasa/falsafah-ahmadi-jelas-bercanggah-ajaran-islam---ikim> (akses pada 30 Mei 2024).

Siti Zubaidah Ismail (2010). Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18 (2): 247-276.

Utusan Borneo Online, Bendung Penyebaran Ajaran Sesat, 29 November 2016.
<https://www.utusanborneo.com.my/2016/11/29/bendung-penyebaran-ajaransesat>
(akses pada 30 Mei 2024).

Yuni, F. (2021). Pemanfaatan Media Sosial Sebagai Media Penyajian Konten Edukasi Atau Pembelajaran Digital. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting, and Research*, 5(4): 1006-1013.

Zainora Daud, Norsaleha Mohd. Salleh, Noorhafizah Mohd. Haridi & Ahmad Munawar bin Ismail (2016). Sikap Belia Terhadap Pemikiran Tidak Beragama, *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1 (1): 1-12.